



TEKS UCAPAN
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN RISDA KALI-2/2018

"MODAL INSAN PEMACU TRANSFORMASI RISDA"

DISEMPURNAKAN OLEH:
YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
PENGERUSI RISDA MALAYSIA

TEMPAT: AUDITORIUM SULTAN HJ AHMAD SHAH,
IBU PEJABAT RISDA

TARIKH: 22 MAC 2017

MASA : 8.45 PAGI

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis,

YBhg Encik Abdullah bin Zainal,
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat),

YBhg Dato' Nasarudin bin Malek,
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

YBerusaha Encik Amran bin Mohamad,
Pengarah Bhg Pengurusan Sumber Manusia (Selaku host Majlis
Perhimpunan)

YBerusaha Pengarah-Pengarah Bahagian

YBerusaha Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif SMR

Pegawai-Pegawai Kanan

Ahli-Ahli Kesatuan Sekerja RISDA

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Kasih Sayang.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama dalam majlis ini bersempena dengan Majlis Perhimpunan Bulanan RISDA kali-2/2018 pada pagi yang berbahagia ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Ketua Pengarah (P&K), Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan semua pegawai serta kakitangan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia di atas penganjuran majlis pada hari ini.

Hadirin-Hadirat sekalian,

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia merupakan salah satu daripada 17 buah Bahagian yang penting di Ibu Pejabat RISDA. Bahagian ini berfungsi sebagai Bahagian yang menyediakan keperluan pegawai dan kakitangan RISDA bermula daripada proses *Recruitment & Selection*, penempatan pegawai dan kakitangan, pengesahan jawatan, kenaikan pangkat, peperiksaan dalam jabatan, perkhidmatan (perubatan, cuti, saraan, gaji, kemudahan-kemudahan dalam perkhidmatan dan lain-lain dalam Bab A-G dalam Perintah-Perintah Am yang berkaitan dengan kakitangan), urusan

tanggung kerja, pengurusan *Performance Appraisal*, pengurusan pentadbiran HRMIS, pengurusan khidmat psikologi dan banyak lagi.

Malah, pengurusan persaraan bakal pesara juga diuruskan bahagian ini sehinggalah seorang bakal pesara itu bersara atau meninggalkan perkhidmatan.

Jadi, suka saya memaklumkan bahawa kehadiran para penjawat RISDA pada majlis ini yang mewakili sebahagian daripada warga RISDA seramai 4,245 orang dari utara Perlis

membawa ke nun jauh dari Sabah dan Sarawak adalah warga yang terbaik dan hebat dalam bidang masing-masing. Terima kasih dan marilah sama-sama kita berikan tepukan kepada sekalian yang hadir!

Seperti yang kita dapat lihat, bak kata orang dulu-dulu, kesemuanya lebih 7 ratus orang berbondong-bondong duduk bersama di dalam dewan hingga ke ruang-ruang atas Auditorium Sultan Hj Ahmad Shah ini, sebagai bukti teguh dan berpadunya para penjawat RISDA, dalam satu Perkhidmatan yang menjadi TUNJANG PALING UTAMA kepada Kerajaan

serta Negara, khususnya sejak 61 tahun Malaysia meraih kemerdekaan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Kalau disusur dari segi sejarah, bermulanya perkhidmatan RISDA di negara ini, adalah sekitar tahun 1973, yang ketika itu RISDA baru ditubuhkan seperti mana Akta 85, membawa kepada tahun 1976 di bawah pentadbiran YAB Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Haji Hussein iaitu di bawah pemerintahan BAPA PEMBANGUNAN MALAYSIA, kemudiannya pada tahun 1977- 2008 RISDA menjalankan peranan bagi

melaksanakan dasar-dasar pembangunan yang diperintah oleh Perdana-Perdana Menteri Malaysia yang lain seperti YAB Tun Hj Hussein Bin Dato' Onn, Tun Dr Mahathir bin Mohamed dan Tun Hj Abdullah bin Hj Ahmad Badawi , sehinggalah kepada tahun 2009 di bawah pentadbiran YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak RISDA terus kekal membantu dan memartabatkan perkhidmatan RISDA kepada para Pekebun Kecil seluruh Malaysia sampai hari ini.

Oleh itu, pastinya, sepanjang kira-kira 45 tahun, perjalanan perkhidmatan RISDA ini, pra dan pasca kemerdekaan, hingga

ke era pembangunan serta kemajuan dewasa ini, telah menempa satu tempoh yang panjang, penuh dengan pengetahuan serta sarat meng-gendong pengalaman.

Apa yang ingin saya katakan adalah, saya yakin dan percaya Perkhidmatan Awam di RISDA ini, nyatanya, telah sampai kepada satu tahap keampuhan dan kematangan yang mampu menjadi serta selayaknya dipersiagakan bukan sahaja pada paras ini, tetapi yang lebih utama daripada itu, adalah untuk mencorakkan Malaysia bagi tempoh 30 tahun yang mendatang (TN50 – 2050 nanti).

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Dalam pembangunan sesebuah negara mahupun tamadun, pelbagai ayat suci Al-Quran dan hadis serta pedoman agama haruslah sentiasa diambil sebagai panduan dan pengajaran. Umpamanya, petikan daripada surah Al-Qasas ayat 26 yang antara tafsirannya merujuk tentang peri-mustahaknya untuk kita, tidak kira pemimpin, golongan teknokrat, para birokrat mahupun rakyat terbanyak, supaya bekerja kuat lagi bersungguh-sungguh, dengan penuh amanah juga dipercayai, demi memakmur negara dan mensejahterakan rakyat.

Ini diperteguhkan lagi dengan potongan ayat ke-15 surah As-Saba' yang menyebut bahawa, Allah SWT telah mengiktiraf kemajuan dan kemewahan serta kesejahteraan penduduk di negeri Saba', selagi mana mereka mensyukuri nikmat yang diberikan oleh llahi, negara tersebut akan terus berada dalam keadaan yang baik lagi makmur, di bawah lindungan Tuhan sekaligus mendapat keampunan dan keberkatan daripadaNya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,
Merujuk kepada maksud dan tafsiran ayat-ayat tersebut serta cedukan daripada pelbagai hikmah, kita dapati terdapat

elemen-elemen yang begitu signifikan dalam membikin serta membangun sesebuah negara bangsa.

Elemen-elemen tersebut antaranya, setiap pihak perlu mengerti bahawa tertegaknya sesebuah Kerajaan, negara dan jati diri sesebuah negara bangsa bukanlah secara tiba-tiba atau terjadi dengan sendirinya. Bak kata pepatah Inggeris, *indeed, ... Rome was not built in a day.*

Sebaliknya, ia menagih keringat, pengorbanan, ikhtiar, sekaligus usaha yang bersungguh-sungguh. Dan,... apabila

kejayaan menjelang tiba, kita perlulah bersyukur kepada segala nikmat yang dilimpahi agar kejayaan itu akan diberkati dan ditambah-tambah lagi. InsyaAllah.

Maka bertolak dari situlah, dalam konteks negara ini, paling mutakhir, Malaysia semakin diakui sebagai antara Pelaku Global utama dunia, apabila Laporan Daya Saing Global 2017/2018 oleh Forum Ekonomi Dunia, yang meletakkan negara ini berada pada tempat ke-23 dari 137 buah negara, bagi ekonomi yang paling berdaya saing di dunia.

Malah, bukan sekadar itu sahaja, dalam laporan yang sama, Malaysia berada pada kedudukan ke-15 dalam senarai perbelanjaan Kerajaan yang paling efisien, mengatasi negara-negara Eropah dan Asia lain seperti Finland, China, Sweden dan Jepun.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

**Menolak Dakyah dan Tohmahan Pembangkang Terhadap
Penjawat Awam khususnya Penjawat Awam RISDA**

Apabila kita menghalusi apakah itu takrif yakni pengertian istilah Kerajaan, khususnya yang menyentuh Perkhidmatan

Awam, jika diteliti dan ditafsir daripada perspektif kuasa eksekutif, kita harus fahami dengan jelas bahawa, ia merujuk pertamanya,...

Kerajaan sebagai satu badan atau institusi yang bertanggungjawab dan diberi kuasa untuk menjalankan sistem pemerintahan, berasaskan fungsi-fungsi undang-undang serta pengurusan juga pentadbiran bagi sesebuah negara atau wilayah.

Kedua, maknanya, sesebuah Kerajaan itu terbentuk daripada komponen atau gabungan Anggota Jemaah Pentadbiran yang dipilih oleh rakyat dan diberikan kuasa secara sah, berdasarkan peruntukan perlembagaan. Manakala, Perkhidmatan Awam, menjadi Jentera Perkhidmatan Utama untuk penyampaian dan pelaksanaan segala dasar serta inisiatif ‘The Political Master Of The Day’ atau kuasa politik yang memerintah secara sah.

Justeru, kita perlu menggarap baik-baik, terdapat persepsi atau kefahaman bahawa adanya pemisahan yakni, *political*

master of the day tidak ada kena mengena dengan Perkhidmatan Awam, as some would say, *the Political Master may come and go, but the civil service remain the same.*

Sebaliknya, Kerajaan yang terbentuk daripada Jemaah Anggota Pentadbiran, sebenarnya satu hubungan hierarki dengan Perkhidmatan Awam, di mana, Kerajaan adalah penentu dasar pentadbiran negara dan dasar tersebut hendaklah dilaksanakan oleh Perkhidmatan Awam dengan berkesan untuk kebaikan negara seperti yang diperintahkan.

Perkara ini sememangnya jarang diperkatakan dengan seterang dan sejelas ini, namun pada pandangan saya, seperti yang disebut tadi, perkhidmatan awam negara ini sudah cukup matang dan berhemah untuk menghadami dan mena'akul ehwal hubung kait yang diutarakan ini, dengan mendalam, kerana antara keduanya tidak boleh terpisahkan.

Kalau orang seni bilang,... antara pihak anggota pentadbiran dan perkhidmatan awam adalah ibarat ‘aur dengan tebing’, kalau dalam lirik lagu umpama pula ‘bunga dengan tangkainya’.

Lantaran itulah, pepatah juga menyebut, jika ‘dicubit peha kanan, peha kiri pun terasa’. Ertinya, apabila pihak lawan atau pembangkang, memperlekeh, mentohmah atau memfitnah Penjawat Awam, maknanya cacian atau kata-kata nista itu, seumpama menghina secara langsung pihak Kerajaan secara keseluruhannya dan begitu jugalah sebaliknya.

Oleh sebab itulah, kita sama-sama berasa amat tersinggung dan marah, apabila terdapat sesetengah pihak khususnya dari pembangkang, yang sesuka hati menuduh kononnya perkhidmatan awam negara ini sebagai “bloated civil service” yakni sudah terlebih bilangannya, berbanding negara-negara

lain di dunia dan jika mereka berkuasa, dengan angkuhnya, mereka mahu mengurangkan separuh daripada jumlah penjawat awam. Sebenarnya, adalah tidak adil untuk membandingkan jumlah penjawat awam di negara ini dengan negara-negara lain. Kerana, sesuatu yang harus pembangkang fahami ialah takrifan penjawat awam di negara ini adalah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan yang meliputi sektor perkhidmatan kesihatan seperti doktor dan jururawat, anggota keselamatan termasuk tentera serta polis dan warga pendidikan yang merangkumi para guru.

Sedangkan, di sebahagian negara-negara lain, mereka tidak menghitung pekerja dalam sektor kesihatan, keselamatan dan pendidikan sebagai penjawat awam.

Bukan setakat itu sahaja, pihak pembangkang tergamak melabelkan penjawat awam dan memberi tanggapan negatif selain menyelar secara semberono bahawa, perkhidmatan awam ini sebagai ‘tidak cekap’, ‘makan gaji buta’ dan sungguh keterlaluan, apabila ada pemimpin pembangkang sanggup menghina penjawat awam sebagai ‘kucing kurap’.

Bayangkanlah tuan-tuan dan puan-puan, apa akan terjadi kepada untung nasib sebahagian besar penjawat awam, sekiranya pembangkang dibiarkan memerintah negara ini?

Sanggupkah Tuan-Tuan dan Puan-Puan mempertaruhkan masa depan sekalian dan anak cucu keturunan kita kepada pihak yang sedemikian ini?

Jadinya, seperti yang saya sebutkan di awal ucapan tadi, hatta ajaran agama pun menuntut agar kita bersyukur dengan nikmat yang sedang dikehendaki dan tidak secara mudahnya, kita patut membiarkan tanahair bertuah ini jatuh ke tangan mereka

yang tidak menghargai sumbangan dan susah payah para penjawat awam.

Kerana itulah, Kerajaan yang ada ini, sejak puluhan tahun, amat-amat menyanjung tinggi dan berterima kasih kepada para Penjawat Awam yang telah sekian lama bersama pentadbiran Kerajaan, saling ganding-berganding, lengkap-melengkapi dan dokong-mendokongi.

Sebagai bukti bahawa Kerajaan yang ada, terutama sejak 8 tahun kebelakangan ini, telah berbuat pelbagai inisiatif dan

sekian banyak penambahbaikan, demi membela kepentingan dan menjaga kebajikan penjawat awam, antaranya;

Pertama: Menaikkan gaji penjawat awam sebanyak 7 peratus hingga 13 peratus pada tahun 2012.

Kedua: Menaikkan pencen minimum daripada 720 ringgit kepada 820 ringgit, bagi mereka yang berkhidmat selama 25 tahun atau lebih pada 1 Januari 2012.

Ketiga: Penetapan gaji terendah daripada 832 ringgit kepada 1,200 ringgit sebulan mulai Julai 2016.

Keempat: Melaksanakan dasar di mana pegawai lantikan kontrak yang berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun boleh dilantik secara tetap mulai 1 Julai 2016;

Kelima: Pemberian pergerakan gaji tahunan sebanyak 3 peratus setahun kepada pegawai yang telah mencapai gaji maksimum;

Keenam: Kemudahan Cuti Umrah iaitu pemberian Cuti Tanpa Rekod 7 hari sekali sepanjang tempoh perkhidmatan mulai 1 Januari 2018;

Ketujuh: Kemudahan Cuti Bersalin Bergaji Penuh daripada 300 hari kepada 360 hari mula 1 Januari 2018;

Kelapan: Penambahbaikkan Waktu Bekerja Berperingkat 9.00 pagi hingga 6.00 petang;

Kesembilan: Pelaksanaan Kebenaran Pulang Awal 1 Jam kepada Pegawai Wanita Mengandung 5 bulan ke atas dan pasangan tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan masing-masing;

Kesepuluh : Kenaikan Pangkat Secara Time-Based 13 Tahun Berasaskan Kecemerlangan Kali kedua Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana; dan

Kesebelas : Kebenaran Gantian Cuti Rehat (GCR) melebihi 150 hari digunakan sebagai Cuti Rehat pada tahun persaraan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Selain daripada penambahbaikan daripada segi struktur gaji dan perkhidmatan, Kerajaan kita di bawah pentadbiran YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abd Razak sangat prihatin kepada penajawat awam dengan melaksanakan penambahbaikan dari sudut kebijakan penjawat awam. Contohnya:-

Pertama: Melancarkan Skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia atau PPA1M sejak tahun 2013, di mana sebanyak 200 ribu unit rumah akan disiapkan menjelang tahun 2020.

Kedua: Menaikkan kadar Bantuan Sara Hidup atau COLA sebanyak 50 ringgit sebulan pada tahun 2012 bagi penjawat awam yang tinggal di kawasan-kawasan pinggir bandar; dan

Ketiga: Menaikkan Imbuhan Tetap Perumahan atau ITP minima kepada 300 ringgit sebulan pada tahun 2015. Manakala, 25 peratus ITP turut diterima oleh penjawat awam yang mendapat kemudahan kuarters.

Tidak dilupakan juga, kepada para pesara, kita telah menaikkan kadar pencen terendah daripada 720 ringgit pada tahun 2012, kepada 950 ringgit sejak 1 Julai 2016 lalu.

Apa yang penting di sini, kesemua kemudahan dan imbuhan yang dinikmati oleh Penjawat Awam adalah kerana hubungan kerjasama yang kukuh di antara Kerajaan yang baik dan Perkhidmatan Awam yang cekap lagi efisyen.

Barulah wujudnya satu simbiosis yang mantap dalam memecut dan *to leapfrog* atau melonjakkan Malaysia supaya tersenarai dalam kelompok 20 negara termaju serta terbaik di dunia menjelang tahun 2050.

6 Falsafah dan Garis Besar Haluan Perkhidmatan Awam Menuju TN50

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,
Sebetulnya, untuk mara ke hadapan, dalam usaha membina ketamadunan yang lebih cerah lagi unggul, kita tidak boleh

sekadar bernostalgia atau hanya bergantung kepada prestasi hari semalam.

Justeru itu, demi mewajah masa depan dalam melakar perjalanan mendakapi aspirasi TN50, Perkhidmatan Awam RISDA hendaklah berpegang kepada 6 Falsafah dan Garis Besar Haluan Menuju TN50.

Kerangka Manhaj Maqasid Syariah

Pertamanya: Seandainya secara sedar atau pun tidak, pembentukan negara bangsa Malaysia telah dan untuk

tempoh 30 tahun mendatang, dicorakkan atas kanvas KERANGKA MAQASID SYARIAH, makanya, perkhidmatan awam sudah semestinya juga, berpandukan jalur-jalur Manhaj yang sudah pun tersulam asasnya, sejak sekian lama, sekurang-kurangnya 60 tahun yang lalu.

Sepanjang tempoh 6 dekad ini, perkhidmatan awam telah bergerak pada landasan yang sama, seiring sejalan dengan Kerajaan, sehingga Malaysia diiktiraf sebagai sebuah negara Islam progresif lagi dinamik, bermanhajkan Maqasid Syariah, dengan berpegang kepada prinsip Wasatiyyah atau

moderation, Perlembagaan Persekutuan dan Ideologi Kebangsaan yang kukuh serta tentunya kesinambungan gagasan-gagasan pucuk pimpinan Kerajaan.

Sebenarnya, manhaj Maqasid Syariah yang dipegang oleh Kerajaan, mensasarkan kepada maslahah umum yakni yang mendatangkan kebaikan kepada rakyat terbanyak, dengan mengambil kira tahap kemampuan kebertanggungjawaban Kerajaan mengikut 3 keutamaan, sama ada di peringkat DHA-RU-RIYAT yakni KEPERLUAN ASAS YANG PALING UTAMA, sesuatu yang tidak boleh tidak tanpanya.

Manakala HA-JIY-YAT pula, berkaitan dengan KEHENDAK DAN KEPERLUAN UMUM yang membawa kepada kelapangan hidup, TETAPI TIDAK TERLALU MENDESAK serta ketiganya, TAH-SI-NIYAT sebagai PENGHIAS, PENCANTIK DAN BERSIFAT PENGINDAH semata-mata, dalam memberi kesempurnaan hidup.

Ditambah lagi di peringkat DHA-RU-RIYAT, yang amat mementingkan kepada usaha berterusan dalam pemeliharaan lima prinsip asas utama kehidupan iaitu agama, nyawa, akal,

harta benda serta keturunan, khususnya dalam hal-ehwal pembangunan dan kebajikan rakyat serta memajukan negara.

Kesemua dasar, usaha dan pendekatan ini terbukti telah membawa hasil apabila laporan State of The Global Islamic Economy 2016/2017 oleh Thomson Reuters, kita bukan sahaja telah menduduki tangga pertama secara keseluruhan daripada senarai 73 buah negara di dunia, bahkan turut diakui sebagai ‘the best developed ecosystem for Islamic Finance in the world, sekaligus KWSP negara ini dilaporkan mempunyai Islamic Saving Plan yakni Pelan Penyimpanan Islam yang terbesar di dunia.

**Jika Tahun 2017 Sebagai Tahun Penyampaian, Maka
Tahun 2018 adalah tahun Kejayaan dan Keberhasilan
Yang Mengagumkan (Najib Razak, 2018)**

YAB Perdana Menteri kita yang disayangi dalam *entry* blognya menyeru agar semua Penjawat Awam khususnya RISDA perlu menjayakan dan melaksanakan segala hasrat dan harapan rakyat. Sesungguhnya, banyak lagi inisiatif dan insentif untuk kepentingan dan kebajikan rakyat, yang Kerajaan umumkan dalam Bajet 2018, malah, sebenarnya, sepanjang tahun 2017, telah meninggalkan pelbagai

kenangan pahit dan manis serta tak kurang juga membawa pencapaian demi pencapaian yang boleh sama-sama kita banggakan.

Bahkan, Alhamdulillah, dalam Akujanji Kerajaan Barisan Nasional, melalui 17 inisiatif dan 156 inisiatif strategik, setakat ini sahaja, kita sedang serta telah berjaya mencapai 97.6 peratus pelaksanaannya. Tahniah kepada semua khususnya warga penjawat awam!

Sudah tentulah, di permulaan Tahun 2018 ini, saya mahukan kita semua khususnya para penjawat awam, untuk sama-sama berniat, berazam dan bertekad bagi memberikan

perkhidmatan yang paling terbaik serta berfikir kreatif lagi inovatif di luar kotak kelaziman, bagi menghasilkan perkhidmatan yang benar-benar berkualiti dan cemerlang.

Sebab itulah, jika pada tahun 2017 lalu, saya telah menjadikannya sebagai Year of Delivery atau Tahun Penyampaian.

Maka pada tahun ini pula, saya berhasrat untuk menjadikan TAHUN 2018 SEBAGAI TAHUN KEJAYAAN DAN KEBERHASILAN YANG MENGAGUMKAN atau YEAR OF SUCCESS AND IMPRESSIVE RESULT.

Apa yang saya mahukan adalah, kerajaan terus berjaya dalam penyampaian perkhidmatan, kita cemerlang dalam meningkatkan nilai dan kemahiran, termasuklah kualiti kerja yang bertaraf global, produktiviti yang sentiasa bertambah, budaya kreatif serta inovatif dan berjaya dengan cemerlang dalam semua aspek pekerjaan serta perkhidmatan kepada rakyat.

Kita sama-sama pastikan bahawa Kerajaan ini mesti menang besar dalam Pilihanraya Umum Ke-14 nanti kerana kita ingin terus berbakti dan kekal melaksanakan pelbagai agenda murni serta inisiatif yang mendatangkan kebaikan dan

manfaat, demi kemaslahatan rakyat serta negara keseluruhannya. Insya-Allah.

Jadinya, Pengukuhan dan Pemerkasaan Perkhidmatan Awam harus bertumpu dengan menjadikan perkhidmatan awam yang lebih berfokus kepada rakyat, inklusif, dengan penyertaan komuniti dan berbudaya kerja serta perkhidmatan par excellence dan mempunyai nilai-nilai murni yang membawa kepada keutuhan organisasi.

Selain itu, saya menyeru agar para penjawat awam tidak bekerja dan terus terkongkong dalam ‘silo’ masing-masing atau mengamalkan “turf management”, yakni mengatakan itu hak kita, orang lain jangan campur tangan atau ambil kisah, sehingga boleh mengundang karenah birokrasi yang menyukarkan rakyat.

Sedangkan amanah dan tanggungjawab Perkhidmatan Awam, adalah sebagai pemudahcara dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Barulah secara kolektifnya, Kerajaan akan dipandang tinggi dan dihormati oleh rakyat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,
Berhubung itu, berbalik kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia RISDA yang menjadi host kepada perhimpunan bulanan kita pada hari ini.

Dalam konteks RISDA, masa depan RISDA adalah bergantung kepada penjawat awamnya yang dilantik bermula daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Di sinilah, semua urusan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, urusan perkhidmatan, penempatan, peperiksaan, kenaikan

pangkat, data sumber manusia, elaun-elaun dalam perkhidmatan dan lain-lain diuruskan.

Apa yang ingin saya katakan adalah, bahagian ini perlu melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan penuh integriti, menjaga kerahsiaan (kerana melibatkan maklumat kakitangan yang sulit), membantu pengurusan dalam menjaga hubungan majikan-pekerja serta melaksanakan segala arahan-arahan pengurusan dengan penuh dedikasi dan dengan penuh tanggungjawab.

Malah, urusan Penstrukturran Semula Organisasi RISDA (PSOR) juga perlulah diperhalusi semula agar tidak berlaku pengurangan kakitangan diperingkat bawah terlalu ketara disamping mengambil kira pandangan-pandangn yang bernas untuk kesejahteraan RISDA pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu, pelaksanaannya ditangguhkan sehingga ke satu tempoh yang akan dimaklumkan kelak.

Penutup: Mengakhiri ucapan saya, ingin saya memetik kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya di Majlis Perdana Perkhidmatan Awam 2016:

“Usah dek inginkan menang sorak, kampung halaman sampai
tergadai,

Usah dek kerana kita leka bermain api, terbakar jiwa anak
cucu nanti,

Usah dek kerana kelalaian memanfaat peluang, tersabung
masa depan pewaris pejuang,

Pikullah tanggungjawab, junjunglah amanah,

Demi rakyat, Demi Malaysia,

Tinggalkanlah legasi yang bermakna sebagai bekal kepada mereka.”

Dengan itu, saya menyeru semua warga RISDA pada hari ini untuk terus mendukung aspirasi kerajaan, komited serta berintegriti untuk memastikan kejayaan dan matlamat RISDA dan KKLW tercapai. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis kita pada hari ini.

Sekian, dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim saya merasmikan Majlis Perhimpunan Bulanan RISDA Kali-2/2018 pada hari ini.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.